

Satu Percubaan Penghasilan KKB Kajian Tempatan Dalam Bentuk CD-ROM 1999

**Maktab Perguruan Batu Lintang
Ravi Gopal**

Abstrak

Projek ini merupakan satu kajian deskriptif untuk menilai kemampuan serta persepsi guru pelatih terhadap penghasilan KKB dalam bentuk multimedia. Dalam projek ini KKB bagi matapelajaran Kajian Tempatan telah berjaya dihasilkan dalam bentuk CD-ROM, satu bentuk penghasilan teknologi maklumat terkini. Seramai 16 orang guru pelatih yang dibahagikan kepada 4 kumpulan daripada Kumpulan Pengajian Inggeris Kajian Tempatan, Semester 2 Diploma Perguruan Malaysia terlibat dalam projek ini. Projek ini dibantu oleh pensyarah mata pelajaran selaku perunding projek yang bekerjasama dengan pensyarah Unit IT selaku perunding teknologi. Sebanyak 340 jam telah dicatatkan sebagai masa yang telah digunakan oleh guru pelatih di makmal komputer serta bilik multimedia dalam usaha menyiapkan projek ini. Sebanyak 4 buah CD-ROM berjaya dihasilkan yang menggabungkan pelbagai media. Projek ini membuktikan komitmen guru pelatih yang dapat menghasilkan KKB dalam bentuk yang lebih kreatif apabila diberi pendedahan dan bimbingan yang berterusan. Keseluruhannya hasil projek ini telah mewujudkan minat yang mendalam dikalangan guru pelatih untuk mempelajari teknik-teknik terbaru dalam bidang IT untuk menghasilkan KKB yang berkualiti, kreatif dan lebih sistematis.

Tujuan:

Untuk meninjau pengetahuan serta kefahaman guru pelatih terhadap ilmu IT yang boleh digabungkan dalam menghasilkan kerja kursus berbentuk multi media.

Metodologi (Sampel):

Seramai 16 orang guru pelatih yang dibahagikan kepada 4 kumpulan daripada Kumpulan Pengajian Inggeris Kajian Tempatan, Semester 2 Diploma Perguruan Malaysia terlibat dalam projek ini.

Dapatan Kajian:

Kumpulan guru pelatih yang dibahagi kepada empat kumpulan akhirnya berjaya menghasilkan 4 CD-ROM mengikut tajuk KKB. CD-ROM ini berjaya dihasilkan pada **22 Mei 1999**. Ini merupakan satu kejayaan bukan sahaja kepada guru pelatih juga kepada maktab kita sebagai sebuah **maktab perguruan yang pertama kali berjaya membimbing guru pelatih menghasilkan KKB dalam bentuk CD-ROM.**

Cadangan:

1. Proses menarik dan mencabar. Saya selaku perunding projek ini mendapati proses penghasilan KKB dalam bentuk CD-ROM merupakan suatu proses yang menarik dan mencabar bagi guru pelatih dan juga bagi diri saya. Dalam proses penghasilan KKB ini guru pelatih tidak lagi mendapatkan sumber semata-mata untuk memenuhi ruang halaman sahaja tetapi mereka mendapatkan maklumat, data serta sumber-sumber yang berkaitan malah yang benar-benar relevan dengan tajuk mereka.
2. Hasil kerja berkualiti dan kreatif. Guru pelatih juga dapat menyesuaikan sumber-sumber mereka dengan isi kandungan teks mereka. Contohnya video perlu disunting, manakala gambarfoto perlu diambil dan disusun mengikut kesesuaian kandungan teks. Ini menunjukkan guru pelatih menjadi lebih kreatif dan dapat menghasilkan kerja kursus yang berkualiti. Ini juga membolehkan guru pelatih dapat menilai hasil kerja mereka dengan membuat banding beza dengan hasil kerja rakan-rakan mereka yang lain.
3. Mempelajari kaedah baru. Secara langsung penghasilan kerja kursus ini dalam bentuk CD-ROM telah membolehkan guru pelatih mempelajari banyak kaedah baru dalam memproses maklumat serta teknik baru dalam bidang multi media. Contohnya mengedit video dan merakam bunyi. Ini juga menyebabkan saya selaku pensyarah penasihat berusaha mempelajari teknik-teknik baru dalam bidang multi media bersama-sama guru pelatih dalam proses penghasilan KKB ini.
4. Melahirkan Pencipta. Oleh kerana masa yang diperlukan agak lama, seseorang guru pelatih terpaksa berkorban sekiranya ingin mempelajari teknik penghasilan kerja kursus dalam bentuk CD-ROM. Oleh itu pada pandangan saya seseorang yang ingin menghasilkan KKB dalam bentuk CD-Rom adalah seorang pencipta kerana memerlukan daya kreativiti yang tinggi. Seseorang akan mempelajari banyak perkara yang berkait rapat dengan bidang seni dan juga muzik.
5. Bantuan pakar bidang. Sesungguhnya proses penghasilan CD-ROM tidak boleh dikatakan sebagai tugas individu. Proses membuat grafik, latar muzik akan menjadi lebih mudah jika dibantu oleh pensyarah yang pakar dalam bidang berkenaan. Dengan ini suatu 'team work' dapat dibentuk di kalangan warga maktab.
6. Persediaan awal. Pensyarah mata pelajaran juga perlu mendalami pengetahuan dan kemahiran dalam bidang multi media sekiranya berminat dalam projek seperti ini. Dengan ini mereka dapat memberikan tunjuk ajar kepada guru pelatih untuk menghasilkan kerja kursus yang benar-benar berkualiti. Memandangkan kita sedang melangkah ke alaf baru dan usaha kerajaan untuk mewujudkan sekolah bestari, adalah wajar bagi semua golongan pendidik untuk mendalami ilmu IT bagi mengelakkan mereka daripada ketinggalan zaman serta bersedia melatih guru pelatih yang perlu menghadapi cabaran baru di sekolah nanti.

7. 7. Mempelbagaikan aktiviti pengajaran & pembelajaran. Para pensyarah dari Unit IT boleh menganjurkan lebih banyak kursus dan program untuk memberi pendedahan kepada para pensyarah yang berminat untuk menjalankan projek bercorak IT. Selain itu para pensyarah juga dapat mempelajari kaedah-kaedah baru dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ini mungkin boleh merangsang para pensyarah serta guru pelatih dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sesuatu yang baru serta menarik boleh membawa perubahan dalam bidang pendidikan. Selain itu potensi guru pelatih juga dapat diterokai dalam projek bercorak IT
8. 8. Harapan dan masa depan. Adalah menjadi harapan saya supaya guru pelatih di MPBL dapat didedahkan dengan teknik-teknik bercorak IT supaya graduan maktab ini dapat dianggap setaraf dengan graduan dari lain-lain institut pengajian tinggi. Pakar-pakar IT serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di maktab ini hanya akan menjadi warisan sejarah sekiranya tidak dimanfaatkan untuk melahirkan lebih ramai ilmuan yang berkemahiran tinggi. Oleh itu kebanggaan MPBL juga terletak pada jumlah graduan yang berilmu tinggi serta berkemahiran yang dapat dilahirkan untuk membimbing lebih ramai ilmuan di kalangan generasi muda.